

Newspaper	Kosmo
Date	3/4/2013

## 6 NEGARA!

KOSMO! RABU 3 APRIL 2013

# Tun Mahathir minta rakyat waras pilih kerajaan

Kosmo - 3/4/2013

**SHAH ALAM** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat Malaysia perlu menilai secara waras parti mana yang hendak dipilih pada pilihan raya bagi memastikan negara terus stabil.

Beliau berkata, di Malaysia kini ada sistem dua parti, iaitu parti memerintah yang berbilang kaum dan berkongsi kuasa selama 55 tahun serta parti yang mencabar, juga me-

ngamalkan perkongsian kuasa.

"Persoalannya, siapa yang layak memerintah negara ini? Saya buat penilaian (parti memerintah) yang sedia ada lebih faham konsep perkongsian daripada yang mencabar (pembangkang)," katanya semasa berucap pada Forum Kepimpinan Pendidikan 2013 di sini semalam.

Lebih 1,400 orang hadir pada acara yang berlangsung di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor itu.

Dr. Mahathir berkata, pakatan pembangkang masih tidak sepakat dan bercanggah pendapat antara satu sama lain, sebaliknya parti memerintah telah bekerjasama selama 55 tahun serta faham masing-masing perlu melakukan pengorbanan untuk kesejahteraan negara.

Beliau melahirkan kebimbangan Malaysia akan berdepan masalah jika parti politik dari pakatan pembangkang memerintah negara ini ke-

rana kerajaan baharu biasanya tidak akan mengekalkan dasar kerajaan sekarang selain ingin menunjukkan kebolehan mencipta dasar sendiri.

Misalnya, mereka mungkin menukar dasar Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju, sedangkan hanya tinggal tujuh tahun lagi untuk mencapai sasaran dan menggantikan ia dengan wawasan baharu, kata beliau.

- Bernama



MAHATHIR